

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**SPU303 - Pentadbiran Pembangunan**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Arahan:**

Jawab **TIGA (3)** daripada enam (6) soalan di bawah. Setiap soalan bernilai seratus (100) markah.

...2/-

1. Kenal pasti dan bincangkan peranan kerajaan dalam proses pembangunan. Bagaimanakah jenis pemerintahan, ideologi dan saiz kerajaan mempengaruhi keberkesanan kerajaan dalam melaksanakan proses pembangunan? Bincangkan dengan menggunakan contoh dua (2) buah negara yang telah anda pelajari.
2. Apakah peranan dan fungsi birokrasi awam dalam proses pembangunan? Bagaimanakah ciri-ciri birokrasi awam boleh memudahkan, sekaligus boleh juga menghalang, pencapaian matlamat-matlamat pembangunan yang ingin dicapai? Bincangkan dengan menggunakan contoh dua (2) buah negara yang telah anda pelajari.
3. Bincangkan sebab-sebab mengapa rombakan sektor awam perlu dilaksanakan dalam usaha untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan di negara-negara mundur dan membangun. Apakah ciri-ciri rombakan yang telah dilaksanakan di negara-negara tersebut? Pilih dua (2) buah negara untuk menghuraikan jawapan anda.
4. Bagaimanakah pergantungan birokrasi awam sesama sendiri, serta pergantungan kepada penderma asing, boleh menyukarkan pencapaian matlamat-matlamat pembangunan di negara-negara mundur dan membangun? Bincangkan dengan menggunakan dua (2) contoh negara yang telah anda pelajari.
5. Kenapakah birokrasi awam memerlukan bantuan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan institusi-institusi kewangan antarabangsa untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan? Kenal pasti dan bincangkan masalah-masalah yang timbul apabila birokrasi awam terlalu bergantung kepada badan-badan bukan kerajaan dan institusi-institusi ini untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan. Bincangkan dengan menggunakan satu (1) contoh negara yang telah anda pelajari.
6. Apakah strategi-strategi pembangunan yang telah digunakan oleh kebanyakan negara-negara mundur dan membangun untuk mencapai matlamat-matlamat pembangunan mereka? Kenapakah strategi-strategi ini perlu dipertimbangkan semula? Kemukakan saranan-saranan bernas untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dikenalpasti. Bincangkan dengan menggunakan satu (1) contoh negara yang telah anda pelajari.